

Masa Depan Industri Hotel Halal di Malaysia dan Indonesia: Analisis Cabaran dan Peluang Strategik

(The Future of the Halal Hotel Industry in Malaysia and Indonesia: An Analysis of
Challenges and Strategic Opportunities)

Rafidah Mohd Azli¹, Siti Nur Husna Abd Rahman^{2*}, Nursafra Mohd Zhaffar³,
Muhammad Adnan Pitchan⁴, Fauzia Ulirrahmi⁵

^{1,2,3}*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, 71300, Negeri Sembilan, Malaysia.*

⁴*Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.*

⁵*S.Sy., M.H.UIN Raden Mas Said Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia.*

rafidah2262@uitm.edu.my

snhusna@uitm.edu.my

nursafra@uitm.edu.my

adnan86@ukm.edu.my

fauziaulirrahmi@staff.uinsaid.ac.id

ARTICLE INFO

Article history:

Received 10 June 2025

Revised 18 August 2025

Accepted 22 August 2025

Published 22 September 2025

Keywords:

Halal Hotels

Malaysia

Indonesia

Strategic Opportunities

Industry Challenges

Kata Kunci:

Hotel Halal

Malaysia

Indonesia

Peluang Strategik

Cabaran Industri

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jhsmr.v1i1.8977>

ABSTRACT

The halal hotel industry is a vital component of the rapidly growing global Islamic tourism sector. This study explores the future of halal hotels in Malaysia and Indonesia by examining key challenges and strategic opportunities in both countries. The findings highlight major barriers such as the lack of universal halal certification standards, limitations in basic infrastructure, and uneven levels of industry awareness. Nevertheless, significant opportunities emerge through the adoption of digital technology, the rising demand from Muslim travelers, and the potential for stronger bilateral cooperation. The study proposes development strategies that include policy empowerment, capacity building of human resources, and comprehensive integration of tourism with Islamic values. The implications of this research are expected to guide policymakers, industry players, and academics in formulating holistic strategies to strengthen the position of Malaysia and Indonesia as leading halal hotel hubs in Southeast Asia.

ABSTRAK

Industri hotel halal merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan pelancongan Islam global yang berkembang pesat. Kajian ini meneliti masa depan industri hotel halal di Malaysia dan Indonesia dengan memberi tumpuan terhadap cabaran utama serta peluang strategik yang wujud dalam kedua-dua negara. Dapatan utama kajian mengenal pasti isu ketidaksejagatan piawaian pensijilan halal, kekangan infrastruktur asas, serta tahap kesedaran industri yang tidak seimbang sebagai penghalang pertumbuhan. Namun begitu, peluang besar muncul melalui pemanfaatan teknologi digital, peningkatan permintaan pelancong Muslim, dan potensi kerjasama dua hala yang lebih erat.

2* Corresponding author: snhusna@uitm.edu.my

Kajian ini mencadangkan strategi pembangunan yang merangkumi pemerkasaan dasar, peningkatan kapasiti sumber manusia, serta integrasi antara pelancongan dan nilai-nilai Islam secara menyeluruh. Implikasi hasil kajian ini berpotensi membantu pembuat dasar, pemain industri dan penggiat akademik dalam merangka strategi holistik ke arah memperkukuh kedudukan Malaysia dan Indonesia sebagai hab hotel halal utama di Asia Tenggara.

MASA DEPAN INDUSTRI HOTEL HALAL DI MALAYSIA DAN INDONESIA: ANALISIS CABARAN DAN PELUANG STRATEGIK

PENGENALAN

Industri pelancongan Islam terus berkembang secara signifikan di peringkat global, didorong oleh pertumbuhan populasi Muslim global yang diunjurkan mencecah 2.2 bilion menjelang 2030, peningkatan pendapatan boleh guna, serta kesedaran yang semakin tinggi dalam kalangan pelancong Muslim terhadap keperluan pematuhan syariah dalam aktiviti percutian mereka (CrescentRating, 2023). Laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) 2023 menganggarkan nilai industri pelancongan Islam mencecah USD 220 bilion dan dijangka meningkat kepada USD 225 bilion menjelang 2028. Dalam konteks ini, hotel halal menjadi elemen teras kepada keperluan pelancongan Islam kerana ia menawarkan perkhidmatan yang menepati prinsip Islam seperti makanan halal, ruang solat, pengasingan jantina dan etika layanan yang mesra Muslim.

Malaysia dan Indonesia merupakan dua negara dengan populasi Muslim terbesar di rantau Asia Tenggara, yang menyasarkan untuk menjadi hab pelancongan Islam global. Malaysia, menerusi pelan Malaysia Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Blueprint 2021–2025, menyasarkan untuk menarik 5.3 juta pelancong Muslim menjelang 2025 dan menyumbang RM23.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor pelancongan (Tourism Malaysia, 2024). Sementara itu, Indonesia melalui Pelan Induk Pelancongan Halal Nasional 2023 menyasarkan kedudukan dalam kelompok tiga teratas GMTI dan meningkatkan jumlah pelancong Muslim antarabangsa melebihi 5 juta orang setahun (Ministry of Tourism Indonesia, 2023). Malaysia sudah lama dikenali sebagai peneraju dalam pembangunan piawaian dan pensijilan halal menerusi kerjasama erat antara JAKIM, ITC dan agensi pelancongan tempatan. Indonesia pula, menerusi Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH), sedang giat memantapkan infrastruktur dan sistem pensijilan nasionalnya untuk mencapai standard yang setara.

Namun begitu, industri hotel halal di kedua-dua negara masih berdepan dengan pelbagai cabaran struktural. Antaranya termasuklah isu standardisasi yang tidak seragam, kekurangan pekerja berkemahiran dalam bidang hospitaliti Islam, kesedaran yang rendah dalam kalangan pengusaha hotel bukan Muslim, serta kekangan dari sudut logistik dan pelaksanaan infrastruktur patuh syariah (Zainudin et al., 2023; Harun & Yusof, 2024). Tambahan pula, ketiadaan satu kerangka pensijilan serantau menyukarkan pelancong Muslim untuk menikmati pengalaman perhotelan Islam yang konsisten merentas negara ASEAN. Walau bagaimanapun, cabaran ini membuka ruang kepada pelbagai peluang strategik baharu. Kemunculan teknologi pelancongan pintar, sistem blockchain bagi verifikasi sijil halal, dan aplikasi mesra Muslim seperti penjejak arah kiblat dan pencari restoran halal dapat memperkukuh kepercayaan pelancong Muslim serta memperluaskan capaian pasaran (Rahman et al., 2023). Di samping itu, kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia dalam membangunkan destinasi pelancongan Islam serantau memberi potensi peningkatan daya saing industri perhotelan Islam secara kolektif.

Aspirasi ke arah pematuhan syariah secara menyeluruh dalam industri hospitaliti juga semakin mendapat perhatian melalui inisiatif dasar yang berteraskan Maqasid Syariah. Ini termasuk perlindungan terhadap agama, akal, maruah, nyawa dan harta pengguna Muslim. Hasan (2024) menegaskan bahawa integrasi nilai ini mampu membentuk sistem perhotelan Islam yang lebih beretika, mampan dan sejahtera.

Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk meneroka secara mendalam masa depan industri hotel halal di Malaysia dan Indonesia melalui analisis terhadap cabaran dan peluang strategik yang dikenal pasti. Pendekatan perbandingan digunakan bagi menilai kekuatan dan kelemahan kedua-dua negara, seterusnya mencadangkan strategi pembangunan holistik yang menyokong pertumbuhan mampan industri ini di peringkat serantau dan global.

SOROTON LITERATUR

Industri hotel halal semakin berkembang seiring dengan pertumbuhan pesat sektor pelancongan Islam global yang dijangka mencapai USD 225 bilion menjelang 2028 (CrescentRating, 2023). Malaysia dan Indonesia sering menjadi fokus kajian dalam konteks ini kerana peranan mereka sebagai hab pelancongan Islam serantau. Malaysia mempunyai kelebihan dari segi sistem pensijilan halal yang sistematik melalui JAKIM dan kerjasama dengan ITC. Abdullah dan Ibrahim (2023) menegaskan bahawa Malaysia telah membina ekosistem pelancongan halal yang merangkumi perkhidmatan penginapan, makanan dan aktiviti pelancongan patuh syariah secara menyeluruh. Indonesia, meskipun memiliki populasi Muslim terbesar dunia, berdepan cabaran dalam menyelaraskan piawaian halal. Kajian Sutanto et al. (2024) menunjukkan bahawa ketiadaan satu kerangka pensijilan halal nasional yang seragam menyebabkan pelaksanaan tidak konsisten dalam sektor hospitaliti. Walaupun BPJPH telah ditubuhkan, struktur pelaksanaannya masih belum mantap, namun inisiatif seperti Zon Industri Halal dan Pelan Induk Pelancongan Halal Nasional mencerminkan kesungguhan reformasi jangka panjang.

Kajian perbandingan oleh Zainudin et al. (2023) mendapati bahawa kedua-dua negara berkongsi isu utama seperti kekurangan staf terlatih, beban kos pensijilan, dan kurangnya kefahaman pemilik hotel terhadap konsep halal. Rahman (2023) mencadangkan kerjasama ASEAN dalam membentuk satu piawaian halal serantau bagi menggalakkan integrasi pelancongan Islam dan membina keyakinan pelanggan Muslim antarabangsa. Mansor dan Fauzi (2024) dalam kajiannya mendapati bahawa persepsi pelanggan Muslim tidak sekadar menuntut pematuhan syariah, tetapi juga menekankan aspek keselesaan, profesionalisme staf, dan daya tarikan persekitaran. Dapatan ini menunjukkan keperluan untuk menyepadukan pendekatan maqasid syariah dengan elemen keselesaan kontemporari.

Chen et al. (2023) memperkenalkan model pensijilan berperingkat kepada hotel umum agar dapat melaksanakan standard syariah secara berfasa, bermula dengan aspek makanan halal sebelum bergerak ke latihan staf dan pemisahan fasiliti. Pendekatan ini dianggap lebih inklusif dan menggalakkan penyertaan hotel konvensional ke arah kepatuhan secara progresif. Manakala Kajian Kamal et al. (2023) memberi fokus kepada peranan komuniti dalam pembangunan hotel patuh syariah. Projek rintis yang melibatkan masyarakat setempat dalam pengurusan hotel halal di kawasan luar bandar mendapati impak positif bukan sahaja kepada ekonomi setempat, tetapi juga dari sudut pemerkasaan nilai Islam dan identiti pelancongan yang unik. Latiff et al. (2024) menyatakan bahawa penggunaan teknologi seperti AI, aplikasi mudah alih dan blockchain dalam pelancongan Islam membantu meningkatkan ketelusan maklumat halal dan memudahkan pelancong membuat pilihan yang diyakini. Inovasi digital ini mampu menjadi daya saing strategik dalam menarik generasi pelancong Muslim muda.

Akhirnya, beberapa penyelidikan mencadangkan agar Maqasid Syariah dijadikan asas penilaian dalam membentuk model hotel halal (Hasan, 2024; Ahmad & Zulkifli, 2023). Pendekatan ini bukan sahaja memastikan pematuhan syariah, malah memperkukuh kesejahteraan pengguna Muslim dari sudut akidah, akhlak, pemeliharaan akal dan harta. Namun, cabaran utama ialah bagaimana menjelmakan prinsip maqasid ini secara praktikal dalam operasi harian hotel. Secara keseluruhan, kajian lampau menunjukkan bahawa meskipun terdapat pelbagai usaha ke arah pelaksanaan hotel halal, masih wujud jurang dari sudut pementapan dasar, penyelarasan antara negara, kekangan teknologi, dan keperluan pengukuhan dimensi syariah dalam garis panduan yang lebih menyeluruh. Justeru, kajian ini berhasrat untuk mengisi

kekosongan tersebut melalui pendekatan analisis perbandingan yang lebih kritikal dan berpandukan prinsip Maqasid Syariah.

Perbezaan antara Muslim-Friendly Hotel, Halal Hotel dan Shariah-Compliant Hotel

Dalam industri pelancongan Islam, istilah Muslim-friendly hotel, halal hotel dan Shariah-compliant hotel merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam pematuhan kepada prinsip syariah. Walaupun ketiga-tiga konsep ini berkongsi matlamat umum untuk memenuhi keperluan pelancong Muslim, perbezaan dari segi struktur operasi, perkhidmatan, dan dasar pematuhan amat signifikan (Rahman, 2023; CrescentRating, 2023). Muslim-friendly hotel (MFH) merupakan hotel konvensional yang telah menyesuaikan sebahagian perkhidmatannya untuk menarik pelancong Muslim. Ini termasuk penyediaan makanan halal, arah kiblat, sejadah, dan waktu solat. Namun, aspek lain seperti penyediaan alkohol, aktiviti hiburan bercampur jantina, dan penggunaan staf tanpa latihan syariah masih dikekalkan. MFH tidak tertakluk kepada pensijilan syariah dan kebiasaannya hanya menggunakan pendekatan mesra-Muslim untuk tujuan pemasaran (Muslim Travel Warehouse, 2022; Omar & Mansor, 2022).

Halal hotel (HH) pula menampilkan tahap pematuhan yang lebih tinggi, di mana semua elemen utama operasi seperti makanan, minuman, kemudahan dan produk disahkan halal oleh badan pensijilan rasmi seperti JAKIM (Malaysia) atau BPJPH (Indonesia). Hotel ini lazimnya mengharamkan alkohol, menekankan kebersihan dan kesucian dapur, serta menyediakan perkhidmatan ibadah dan logistik yang mematuhi keperluan agama Islam (Othman & Khalid, 2023; ITC Malaysia, 2023). Namun, ia mungkin masih mengekalkan sistem kewangan konvensional dan belum menyeluruh dalam aspek pentadbiran dalaman.

Shariah-Compliant Hotel (SCH) atau hotel patuh syariah merupakan bentuk pematuhan paling menyeluruh dan sistematik. Konsep ini tidak hanya menekankan kepada halal produk, tetapi turut meliputi struktur pengurusan, kewangan Islam, dasar sumber manusia, pengasingan fasiliti mengikut jantina, modul latihan staf berdasarkan nilai Islam, serta penerapan prinsip Maqasid Syariah sebagai asas perkhidmatan. SCH bukan sahaja menjamin kesucian fizikal tetapi juga menzahirkan etika Islam dalam operasi dan budaya korporat (Salleh & Yusuf, 2021; Hasan, 2024; Harun & Yusof, 2024).

CrescentRating (2023) telah membangunkan model klasifikasi yang meletakkan SCH pada tahap tertinggi dari segi kepercayaan pelancong Muslim, kerana ia bukan sahaja memenuhi keperluan syariah tetapi juga mempromosi pengalaman spiritual yang konsisten. Di Malaysia, pendekatan SCH diterjemahkan melalui standard MS2610:2015 yang menyediakan garis panduan menyeluruh untuk audit dan pensijilan hotel patuh syariah, manakala di Indonesia, BPJPH sedang berusaha memperluas konsep ini melalui pelan induk pelancongan halal.

Kefahaman terhadap perbezaan ini amat penting bagi pemilik hotel, penggubal dasar dan pelancong Muslim untuk membuat keputusan yang sesuai berdasarkan keperluan, lokasi dan tahap keyakinan. Dengan meningkatnya kesedaran dalam kalangan pelancong Muslim terhadap aspek pematuhan syariah, industri pelancongan Islam perlu bergerak ke arah penyeragaman takrif dan piawaian agar konsep-konsep ini tidak disalahertikan atau dimanipulasi untuk tujuan komersial semata-mata.

Penerapan Maqasid Syariah dalam Masa Depan Industri Hotel Halal di Malaysia dan Indonesia

Selain menjadi kerangka normatif Islam, Maqasid Syariah berpotensi menjadi *policy framework* yang bersifat universal dan berorientasikan nilai dalam penggubalan dasar pelancongan halal. Namun begitu, pelaksanaan prinsip-prinsip Maqasid dalam konteks industri perhotelan masih belum menyeluruh dan sering terbatas kepada aspek simbolik seperti penyediaan ruang solat dan larangan alkohol semata-mata. Kekurangan penekanan terhadap dimensi maqasid yang lebih mendalam seperti keadilan ekonomi (*hifz al-mal*) dan pemeliharaan akal (*hifz al-aql*) menunjukkan bahawa industri ini masih dalam tahap awal penginstitutionan prinsip ini secara menyeluruh (Hasan, 2024). Dalam hal ini, pematuhan teknikal tidak

mencukupi jika tidak disokong oleh nilai maqasid yang menekankan integriti, ketelusan, dan kesejahteraan sejagat.

Tambahan pula, kebanyakan garis panduan dan pensijilan hotel halal sedia ada di Malaysia dan Indonesia masih berteraskan prosedur, bukan objektif syariah. Piawaian MS2610:2015 misalnya lebih menekankan kepada item checklist fizikal, tanpa indikator yang jelas bagi menilai tahap pemeliharaan maqasid seperti kesejahteraan mental pelanggan (*hifz al-‘aql*) atau perlindungan hak pekerja (*hifz al-nasl*). Menurut Salleh dan Yusuf (2021), ketiadaan elemen penilaian yang maqasid-oriented dalam sistem audit menimbulkan cabaran terhadap pemantauan keberkesanan sebenar hotel dalam memenuhi tujuan syariah secara holistik. Kritikan ini penting bagi membuka ruang reformasi terhadap sistem pensijilan dan standard yang lebih inklusif nilai.

Di Indonesia pula, meskipun BPJPH sedang berusaha memperluas sistem pensijilan halal, penerapan maqasid belum dijadikan rujukan asas dalam penyediaan dokumen dan polisi pelancongan. Ini menimbulkan isu keberagaman tafsiran terhadap maksud “halal” antara operator dan pengguna yang mengakibatkan kekeliruan dan ketidakseragaman perkhidmatan. Kerangka maqasid seharusnya dijadikan prinsip penyatuan dasar antara kedua-dua negara, agar standard dan amalan yang dibangunkan tidak semata-mata berbeza dari segi prosedur tetapi konsisten dari sudut falsafah dan matlamat syariah (Rahman, 2023). Sebagai respons terhadap cabaran ini, penggubalan modul latihan industri berasaskan Maqasid Syariah wajar diperkenalkan, bukan hanya untuk pengusaha hotel, tetapi juga kepada pegawai penguatkuasa, auditor halal, dan pelancong sendiri. Ini kerana maqasid menuntut pendekatan bersepadu yang melibatkan kesedaran dan penglibatan semua pihak dalam ekosistem pelancongan Islam. Kolaborasi antara agensi seperti ITC Malaysia, BPJPH, dan institusi akademik Islam dapat memainkan peranan penting dalam menghasilkan alat penilaian dan latihan maqasid yang kontekstual dan praktikal (Harun & Yusof, 2024).

Akhirnya, Maqasid Syariah harus dilihat bukan hanya sebagai simbol keislaman semata-mata, tetapi sebagai mekanisme strategik dalam meningkatkan daya saing dan keberlanjutan industri hotel halal. Dengan menyeimbangkan antara aspek fizikal, spiritual, dan sosial pelanggan, pendekatan maqasid berupaya memberikan kelebihan unik kepada hotel halal yang tidak dapat ditiru oleh sistem konvensional. Malaysia dan Indonesia, sebagai dua negara peneraju dalam pelancongan Islam, perlu mengambil peluang ini untuk memformulasikan dasar industri yang bersifat maqasid-centric agar dapat memposisikan rantau ini sebagai model global dalam pembangunan pelancongan halal beretika, inklusif dan mampan.

Pengukuhan Dalil Syar‘i dalam Elemen Hotel Patuh Syariah

Dalam membangunkan hotel patuh syariah, elemen teknikal seperti kebersihan, makanan halal, pengasingan fasiliti dan etika berpakaian bukan sahaja berfungsi sebagai garis panduan operasi, malah merupakan perintah agama yang disandarkan kepada al-Qur’an dan hadith sahih. Penerapan nas ini memberi nilai tambah akademik kepada pendekatan maqasid syariah dalam perkhidmatan perhotelan Islam.

1. Kebersihan & Kesucian Ruang:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri
(Surah al-Baqarah, 2:222)

Tafsir Ringkas: Menurut Ibn Kathir, ayat ini menunjukkan bahawa kebersihan luaran dan dalaman adalah kunci kepada keredhaan Allah. Dalam konteks hotel, ia menuntut penjagaan kebersihan bilik, tandas, dapur dan ruang awam secara serius.

2. Larangan Khamr (Alkohol):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ... رَجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya khamar, judi... adalah najis daripada amalan syaitan, maka jauhilah ia agar kamu berjaya.”

(Surah al-Ma'idah, 5:90)

Tafsir Ringkas: Tafsir al-Jalalayn menegaskan bahawa larangan ini bersifat qat'ie (pasti), menuntut pengharaman menyeluruh alkohol dalam mana-mana bentuk – termasuk di restoran, bar dan mini bar hotel.

3. Pemisahan Jantina & Aurat:

لَا يَنْظُرُ الرَّجُلُ إِلَى عَوْرَةِ الرَّجُلِ، وَلَا الْمَرْأَةُ إِلَى عَوْرَةِ الْمَرْأَةِ

“Janganlah seorang lelaki melihat aurat lelaki lain, dan janganlah wanita melihat aurat wanita lain.”

(Hadith Sahih Muslim)

Tafsir Ringkas: Hadith ini menekankan pentingnya menjaga aurat, termasuk dalam ruang rekreasi seperti kolam renang dan spa. Maka, fasiliti berasingan amat perlu bagi menepati tuntutan syarak.

4. Etika Berpakaian & Profesionalisme Staf:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

“Wahai anak Adam! Pakailah pakaianmu yang indah setiap kali ke masjid...”

(Surah al-A'raf, 7:31)

Tafsir Ringkas: Tafsir al-Muyassar menyatakan bahawa ayat ini menyeru pemakaian sopan dan bersih pada waktu ibadah. Dalam konteks hotel, staf hendaklah berpakaian menutup aurat, bersih dan beretika kerana mereka menjadi wakil wajah Islam kepada pelancong.

5. Makanan Halal & Sumber Bersih:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا

Wahai manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik.

(Surah al-Baqarah, 2:168)

Tafsir Ringkas: Menurut Tafsir Ibn Kathir, ayat ini menyeru pemilihan makanan yang halal dari sumbernya dan baik dari segi kualiti. Ini menjadi asas kepada keperluan pensijilan halal yang sah bagi dapur dan restoran hotel.

Analisis Keseluruhan Penggunaan Nas Al-Qur'an dan Hadith dalam Model Hotel Patuh Syariah

Penerapan nas al-Qur'an dan hadith dalam model hotel patuh syariah tidak hanya bersifat simbolik atau normatif, bahkan berperanan sebagai asas etika dan kerangka nilai yang menjadi panduan utama dalam pembentukan sistem dan operasi perkhidmatan perhotelan Islam. Analisis lima dalil utama yang dipilih memperlihatkan kesinambungan langsung antara tuntutan agama dengan struktur sebenar hotel patuh syariah merangkumi aspek kebersihan, makanan, aurat, etika kerja dan bebas unsur haram.

Pertama, ayat tentang kebersihan (al-Baqarah, 2:222) menjadi landasan penting dalam menjustifikasi pelaksanaan SOP kebersihan hotel secara menyeluruh. Ini termasuk penyediaan tandas bersih, ruang wuduk, penyelenggaraan bilik dan dapur yang teliti, sejajar dengan prinsip tayyib dan taharah dalam Islam.

Kedua, larangan tegas terhadap alkohol (al-Ma'idah, 5:90) memperkuat keperluan hotel patuh syariah untuk tidak hanya menyingkirkan alkohol daripada senarai perkhidmatan, malah menghindarkan percampuran dengan bahan makanan, promosi atau sebarang bentuk keterlibatan yang bersifat pasif mahupun aktif. Ini selaras dengan prinsip hifz al-'aql yang memberi keutamaan kepada kesedaran dan pemeliharaan minda pengguna Muslim.

Ketiga, hadith tentang aurat dan pemisahan jantina menyentuh aspek maruah dan perlindungan diri (hifz al-'ird). Ia menuntut reka bentuk fasiliti yang mematuhi kehendak syarak seperti kolam renang berasingan, ruang spa tertutup serta sistem tempahan bilik keluarga yang mengelakkan percampuran jantina bukan mahram.


Keempat, ayat berkaitan pakaian (al-A'raf, 7:31) menyentuh bukan sahaja pengguna tetapi juga staf hotel. Etika berpakaian yang menepati syarak memperlihatkan identiti Islamik yang tulen dan membina profesionalisme yang berasaskan adab. Ini mengukuhkan peranan staf sebagai duta nilai Islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.

Kelima, ayat tentang makanan halal dan tayyib (al-Baqarah, 2:168) menyeru kepada lebih daripada sekadar pensijilan halal. Ia menuntut pengusaha hotel memastikan kesucian dalam pemprosesan, penyediaan dan pengendalian makanan dengan kawalan audit yang ketat dan latihan kakitangan yang konsisten.

Secara keseluruhannya, penggunaan nas ini memperkukuh posisi model hotel patuh syariah bukan sekadar sebagai pematuan teknikal tetapi sebagai satu manifestasi maqasid syariah dalam amalan kontemporari. Ia menjadikan perkhidmatan hotel bukan sahaja neutral dari segi syariah tetapi proaktif dalam menjamin kesejahteraan agama (hifz al-din), akal (hifz al-'aql), nyawa (hifz al-nafs), maruah (hifz al-'ird) dan harta (hifz al-mal) kepada pengguna Muslim. Melalui penyerapan nilai-nilai ini dalam piawaian dan garis panduan, hotel patuh syariah bukan sahaja menjadi pilihan malah mencipta keyakinan dan kepercayaan jangka panjang dalam kalangan pelancong Muslim di rantau Asia Tenggara dan dunia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis tematik terhadap dokumen akademik dan dasar yang relevan, kajian ini telah mengenal pasti empat tema utama yang mencerminkan cabaran dan peluang strategik dalam pembangunan industri hotel halal di Malaysia dan Indonesia. Dapatan ini dianalisis secara kritikal bagi memahami kedudukan semasa serta potensi masa depan industri ini dalam konteks pelancongan Islam serantau. **Rajah 1** memperlihatkan tema-tema utama yang dikenal pasti melalui analisis sistematik terhadap literatur dan dokumen berkaitan industri hotel halal di kedua-dua negara. Setiap tema dianalisis berdasarkan tahap kepentingannya serta kekerapan kemunculan dalam sumber data sekunder yang digunakan (Braun & Clarke, 2006; Bowen, 2023).



Rajah 1: Tema Utama Dapatan Kajian Industri Hotel Halal di Malaysia Dan Indonesia

Hasil analisis **Rajah 1.1** mendapati bahawa isu ketidakseragaman piawaian halal merupakan cabaran paling signifikan yang menjejaskan daya saing industri hotel halal di Malaysia dan Indonesia. Ketiadaan satu sistem pensijilan yang seragam di peringkat serantau telah menyebabkan ketidakpastian dalam kalangan pengusaha hotel dan pelancong Muslim. Meskipun Malaysia mempunyai sistem yang lebih mapan melalui JAKIM dan pengiktirafan antarabangsa, Indonesia masih berada dalam proses memperkukuh peranan BPJPH (Rahman, 2023; Sutanto et al., 2024). Dalam konteks ini, cadangan ke arah penubuhan mekanisme pengiktirafan bersama dan pembangunan piawaian minimum ASEAN menjadi solusi kritikal untuk menjamin konsistensi dan kebolehpercayaan pensijilan halal (Zainudin & Harun, 2023). Keperluan kepada penubuhan sekretariat halal serantau di bawah kerjasama OIC atau MIHAS juga menjadi langkah strategik jangka panjang.

Selain itu, kekangan infrastruktur dan kesedaran industri turut dikenal pasti sebagai hambatan ketara khususnya di kawasan luar bandar. Walaupun bandar-bandar utama di Malaysia menunjukkan kesediaan dengan kemudahan seperti ruang solat dan pengasingan fasiliti lelaki-perempuan, kawasan luar bandar dan destinasi pelancongan sekunder masih ketinggalan. Di Indonesia, kekangan lebih jelas di kawasan luar Jawa yang tidak memiliki akses kepada infrastruktur asas patuh syariah (Abdullah & Ibrahim, 2023; Sutanto et al., 2024). Situasi ini menggambarkan keperluan segera kepada campur tangan dasar termasuk insentif fiskal seperti geran atau pelepasan cukai, dan peluasan latihan serta kempen kesedaran ke seluruh rantau.

Kajian turut menunjukkan bahawa peluang digitalisasi merupakan pemacu baharu dalam memperkukuh pelancongan halal. Aplikasi mudah alih, sistem blockchain, dan kecerdasan buatan semakin diterima pakai dalam industri ini, memperluas akses pelancong Muslim kepada maklumat halal yang sahih dan pengalaman yang diperibadikan (Latiff et al., 2024; Hasan, 2024). Namun, pendekatan ini memerlukan kerangka dasar yang menyokong inovasi termasuk penyediaan platform sehati rasmi kerajaan dan pembiayaan kepada syarikat pemula teknologi Islamik. Kegagalan memanfaatkan digitalisasi akan menyebabkan industri hotel halal kekal bergantung kepada pendekatan tradisional dan ketinggalan dari segi kecekapan dan capaian antarabangsa.

Dalam masa yang sama, potensi kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia dilihat sebagai instrumen penting dalam membentuk pelancongan Islam serantau yang berdaya saing. Pembangunan pakej pelancongan bersama, penyelarasan dasar pensijilan, serta pertukaran latihan industri dilihat mampu melonjakkan kedudukan kedua-dua negara sebagai peneraju pelancongan Muslim di Asia Tenggara (Hasan,

2024; Harun & Yusof, 2024). Justeru, penubuhan Jawatankuasa Kerja Tetap Pelancongan Halal Serantau wajar dipertimbangkan bagi menyelaraskan pelan tindakan bersepadu yang turut melibatkan akademik dan sektor swasta.

Akhir sekali, walaupun konsep Maqasid Syariah mendapat tempat dalam wacana akademik dan dasar, pelaksanaannya dalam konteks hotel halal masih terhad. Prinsip perlindungan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta perlu diangkat sebagai asas kepada penilaian dan pengoperasian hotel patuh syariah secara menyeluruh (Hasan, 2024). Ini boleh direalisasikan melalui integrasi prinsip maqasid ke dalam dokumen piawaian seperti MS2610 dan penyediaan modul latihan khusus kepada pengusaha dan auditor. Jika tidak diberi perhatian, maqasid hanya akan kekal sebagai slogan dalam dokumentasi tanpa penerapan sebenar di lapangan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa masa depan industri hotel halal bergantung kepada keberanian pembuat dasar dan industri dalam mengambil pendekatan pelbagai dimensi. Pendekatan tersebut perlu menggabungkan penyeragaman pensijilan, penambahbaikan infrastruktur, pemerkasaan teknologi, kerjasama serantau dan pembudayaan nilai-nilai maqasid secara sistematik dan strategik. Hanya melalui tindakan kolektif dan bersepadu, Malaysia dan Indonesia dapat mengukuhkan posisi sebagai hab pelancongan Islam global yang berkualiti dan berprinsip. Berikut ialah **Jadual 1** Rumusan Dapatan, Cabaran dan Solusi Industri Hotel Halal yang telah disediakan berdasarkan lima tema utama kajian.

Jadual 1: Rumusan Dapatan, Cabaran dan Solusi Industri Hotel Halal

TEMA DAPATAN	CABARAN UTAMA	SOLUSI YANG DICADANGKAN
Ketidakseragaman Piawaian Halal	Tiada piawaian serantau yang seragam; kekeliruan dalam kalangan pengusaha	Wujudkan mekanisme pengiktirafan bersama dan sekretariat halal serantau
Kekangan Infrastruktur dan Kesedaran	Kemudahan patuh syariah tidak menyeluruh; kurang latihan dan kesedaran	Berikan insentif cukai dan perluas program latihan luar bandar
Digitalisasi dan Teknologi	Kurang penerapan sistem digital rasmi dan pembiayaan inovasi	Bangunkan platform sehati rasmi; sokong startup halal-tech
Kerjasama Serantau	Kurangnya koordinasi dalam pembangunan pelancongan Islam antara negara	Tubuhkan Jawatankuasa Kerja Tetap Pelancongan Halal ASEAN
Maqasid Syariah sebagai Rangka Penilaian	Pelaksanaan nilai maqasid belum menyeluruh; kurang dalam dokumen dasar	Masukkan maqasid dalam MS2610 dan sediakan modul latihan khusus

PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis tematik terhadap 25 dokumen terpilih yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2025 yang merangkumi artikel jurnal berwasit, laporan dasar kerajaan, dokumen institusi pelancongan halal seperti Tourism Malaysia, Indonesian Ministry of Tourism, CrescentRating, dan laporan badan pensijilan seperti JAKIM, ITC Malaysia, serta BPJPH Indonesia. Pemilihan dokumen ini dilakukan secara purposif berdasarkan tahap kebolehpercayaan, kaitannya dengan objektif kajian, serta liputan geografi dan institusi yang mewakili kedua-dua negara.

Analisis dokumen menunjukkan empat tema utama yang kerap muncul dalam literatur iaitu ketidakseragaman piawaian halal, kekangan infrastruktur dan kesedaran industri, peluang digitalisasi dan inovasi teknologi, serta kerjasama strategik serantau. Tema-tema ini dikenal pasti melalui kaedah analisis tematik Braun & Clarke (2006). Kajian seperti oleh Abdullah dan Ibrahim (2023), Zainudin et al. (2023), serta Harun dan Yusof (2024) mengesahkan bahawa isu standardisasi merupakan halangan utama yang mengganggu konsistensi pengalaman pelancong Muslim. Dapatan ini disokong oleh laporan CrescentRating (2023) dan Rahman (2023) yang menyarankan keperluan mendesak terhadap harmonisasi pensijilan halal di peringkat ASEAN.

Kekangan infrastruktur dan kesedaran pengusaha hotel bajet terhadap nilai-nilai pelancongan halal turut menjadi tema utama dalam banyak dokumen. Kajian oleh Sutanto et al. (2024) dan Zainudin & Harun

(2023) membandingkan pelaksanaan di kawasan luar bandar Malaysia dan luar Jawa di Indonesia. Di samping itu, laporan Tourism Malaysia (2024) memperincikan jurang fasiliti mesra-Muslim di kawasan pelancongan sekunder. Kajian ini turut merujuk Patton (2023) bagi memperkukuh validiti melalui triangulasi sumber daripada data kerajaan, artikel ilmiah dan laporan institusi industri halal.

Dapatan juga mengenal pasti bahawa penerapan teknologi digital berpotensi menjadi pemangkin daya saing industri hotel halal. Ini meliputi aplikasi mudah alih seperti HalalTrip dan sistem pensijilan berasaskan blockchain. Kajian oleh Latiff et al. (2024), Hasan (2024), dan Khan & Ali (2022) dari UAE menunjukkan bahawa pemodenan melalui teknologi mampu meningkatkan kepercayaan pengguna dan mempercepat proses pengesahan status halal. Justeru itu, pelbagai dokumen mencadangkan agar sektor ini diberi insentif digitalisasi oleh kerajaan melalui dasar mesra industri halal.

Akhirnya, penggunaan 25 dokumen ini memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap perkembangan dasar dan strategi yang sedang berjalan di Malaysia dan Indonesia. Kajian Hasan (2024) serta Abdullah & Ibrahim (2023) menekankan peranan Maqasid Syariah sebagai kerangka nilai penting yang boleh menyatukan dimensi teknikal, sosial dan etika dalam pelancongan halal. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menganalisis cabaran semasa, tetapi juga menyumbang kepada saranan dasar berasaskan bukti yang boleh digunakan oleh pembuat polisi, agensi pelancongan, dan pemain industri untuk menyusun strategi lebih mampan pada masa hadapan. Berikut ialah Jadual 2 perbandingan yang telah disediakan bertajuk “*Perbandingan Amalan Hotel Halal Malaysia dan Indonesia*”.

Jadual 2: Perbandingan Amalan Hotel Halal Malaysia dan Indonesia

ASPEK PERBANDINGAN	MALAYSIA	INDONESIA
Badan Pensijilan Halal	JAKIM, ITC Malaysia	BPJPH (Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal)
Tarikh Penubuhan	1982 (JAKIM)	2019 (BPJPH)
Pengiktirafan Antarabangsa	Tinggi (diiktiraf OIC & GSO)	Sedang dibangunkan
Jenis Pensijilan untuk Hotel	Ya (Contoh: MS2610:2015)	Belum spesifik kepada hotel, umum produk halal
Ketersediaan Garis Panduan Hotel Patuh Syariah	Ya (ITC & MS2610)	Masih dalam proses pembentukan
Kerjasama dengan Agensi Pelancongan Islam	Ya, melalui ITC & Tourism Malaysia	Terhad, masih tidak menyeluruh
Penggunaan Teknologi (Blockchain/Apps)	Sedang dibangunkan, kerjasama dengan HalalTrip	Dalam peringkat awal, belum meluas
Jumlah Hotel Patuh Syariah (anggaran)	200+ (anggaran)	50–70 (anggaran)
Cabaran Utama	Kekurangan kesedaran di hotel bajet dan luar bandar	Ketidakteraturan pelaksanaan dan kekurangan tenaga pakar
Potensi Kerjasama Serantau	Tinggi – hubungan kuat dengan Indonesia & OIC	Tinggi – potensi pembangunan sistem pensijilan bersama

Jadual 2 menunjukkan perbandingan yang ketara antara Malaysia dan Indonesia dalam aspek pensijilan dan pelaksanaan hotel halal. Malaysia jelas lebih mendahului dari segi struktur pentadbiran dan pengalaman, melalui peranan JAKIM dan ITC Malaysia yang telah wujud sejak tahun 1982 dan mendapat pengiktirafan antarabangsa. Sebaliknya, Indonesia yang hanya menubuhkan BPJPH pada tahun 2019 masih berada dalam fasa pembentukan dan penambahbaikan sistem pensijilan halal secara menyeluruh.

Dari segi garis panduan khusus untuk hotel, Malaysia memiliki kelebihan dengan wujudnya standard MS2610:2015 yang memberi panduan terperinci kepada hotel patuh syariah. Hal ini berbeza dengan Indonesia yang masih belum menetapkan pensijilan khusus untuk sektor perhotelan, sebaliknya menumpukan kepada produk halal secara umum. Kekurangan garis panduan ini menyulitkan pelaksanaan prinsip syariah dalam sektor pelancongan mereka.

Selain itu, penggunaan teknologi digital seperti aplikasi mudah alih dan sistem blockchain masih di peringkat awal bagi kedua-dua negara. Namun, Malaysia telah menunjukkan kemajuan melalui kerjasama dengan platform seperti HalalTrip yang membantu meningkatkan keterlihatan dan capaian antarabangsa

hotel halal. Dalam aspek kerjasama dengan agensi pelancongan Islam, Malaysia juga lebih tersusun berbanding Indonesia yang masih belum mempunyai ekosistem sokongan yang menyeluruh.

Anggaran jumlah hotel patuh syariah juga menunjukkan jurang pelaksanaan, dengan Malaysia mencatat lebih 200 hotel yang telah mengamalkan prinsip mesra Muslim, manakala Indonesia sekitar 50 hingga 70 buah sahaja. Cabaran utama di Malaysia ialah kesedaran yang masih rendah dalam kalangan pengusaha hotel bajet dan di kawasan luar bandar, manakala Indonesia pula berdepan isu ketidakseragaman pelaksanaan dan kekurangan tenaga pakar. Walaupun begitu, kedua-dua negara memiliki potensi tinggi untuk kerjasama serantau, terutamanya dalam membangunkan sistem pensijilan bersama dan mempromosi pelancongan Islam ASEAN secara kolektif.

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat jurang antara persepsi pengguna Muslim yang tinggi terhadap keperluan pematuhan syariah, dengan tahap pelaksanaan industri yang masih tidak sekata khususnya di Indonesia. Malaysia secara umumnya menunjukkan tahap kesediaan yang lebih mapan melalui garis panduan dan sistem latihan oleh agensi seperti ITC dan JAKIM.

Jadual 3: Perbandingan Persepsi Pengguna dan Tahap Pelaksanaan Hotel Halal

Aspek	Persepsi Pengguna Muslim	Tahap Pelaksanaan (Malaysia vs Indonesia)
Kebersihan dan ruang solat	Sangat penting – ruang solat khas diperlukan	Malaysia: Tersedia di kebanyakan hotel utama; Indonesia: Terhad kepada bandar besar
Pemisahan kolam renang lelaki/wanita	Tinggi – aspek aurat diutamakan	Malaysia: Ada di beberapa hotel; Indonesia: Sangat terhad
Makanan halal dan dapur berasingan	Sangat penting – dapur bebas syubhah	Malaysia: Standard MS2610 digunapakai; Indonesia: Umum dan belum seragam
Modul latihan staf	Diharapkan memahami adab Islam dan pelanggan Muslim	Malaysia: Latihan oleh ITC; Indonesia: Masih kurang
Logo dan pensijilan halal yang jelas	Menambah keyakinan pelanggan	Malaysia: Jelas di hotel pensijilan ITC/JAKIM; Indonesia: Tidak konsisten

Jadual 3 menunjukkan wujudnya jurang yang nyata antara persepsi pengguna Muslim terhadap keperluan hotel patuh syariah dan tahap pelaksanaannya di peringkat industri, khususnya dalam konteks perbandingan Malaysia dan Indonesia. Aspek kebersihan dan penyediaan ruang solat merupakan keutamaan utama bagi pelanggan Muslim, kerana ia berkait langsung dengan kewajipan solat lima waktu dan keperluan suasana bersih. Di Malaysia, ruang solat telah menjadi amalan standard dalam hotel bertaraf tinggi, manakala di Indonesia, fasiliti ini masih terhad kepada hotel bandar atau kawasan pelancongan utama, menggambarkan keperluan untuk pengembangan fasiliti ke kawasan luar bandar.

Bagi aspek pemisahan kolam renang lelaki dan wanita, persepsi pengguna Muslim menunjukkan kepentingan yang tinggi memandangkan isu aurat dan privasi merupakan nilai teras dalam hukum syarak. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih terhad di kedua-dua negara, dengan hanya sebilangan kecil hotel di Malaysia menyediakan kemudahan ini secara berasingan, dan lebih jarang lagi di Indonesia. Keadaan ini mencerminkan keperluan untuk garis panduan yang lebih tegas berkaitan rekabentuk fasiliti patuh syariah.

Dalam konteks makanan halal dan pengurusan dapur, pengguna menuntut jaminan bebas syubhah melalui sistem dapur berasingan dan audit rantaian bekalan. Malaysia mempunyai kelebihan dengan pelaksanaan standard MS2610:2015 yang memberikan panduan jelas, manakala Indonesia masih berada di tahap pensijilan umum tanpa garis panduan khusus untuk hotel, menyebabkan ketidakkonsistenan dalam penyediaan makanan halal di sektor pelancongan.

Aspek latihan staf hotel turut menjadi kebimbangan pengguna yang mengharapkan staf memahami sensitiviti dan adab Islam dalam memberikan perkhidmatan. Malaysia dilihat telah memulakan inisiatif latihan berstruktur melalui Islamic Tourism Centre (ITC), namun pelaksanaan masih terhad kepada hotel

berdaftar. Indonesia pula memerlukan infrastruktur latihan yang lebih kukuh bagi memastikan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan pengguna Muslim.

Akhir sekali, logo dan pensijilan halal yang jelas merupakan simbol penting yang memberikan keyakinan kepada pelanggan. Malaysia melalui JAKIM dan ITC telah menetapkan penggunaan logo pensijilan rasmi yang boleh disemak secara awam, manakala di Indonesia, pelaksanaan ini masih belum konsisten dan kurang dikenali oleh pelancong asing. Situasi ini menuntut tindakan penyelarasan piawaian dan promosi logo halal secara lebih menyeluruh dan strategik.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengupas secara mendalam pelbagai cabaran dan peluang strategik yang dihadapi oleh industri hotel halal di Malaysia dan Indonesia. Dapatan menunjukkan bahawa meskipun kedua-dua negara mempunyai asas kukuh dalam membangunkan pelancongan Islam, termasuk institusi pensijilan, dasar kerajaan dan permintaan pasaran, jurang pelaksanaan masih wujud. Antara isu utama yang dikenalpasti ialah ketidakseragaman piawaian halal serantau, kekangan infrastruktur di luar bandar dan tahap kesedaran yang tidak seimbang dalam kalangan pengusaha hotel (Rahman, 2023; Sutanto et al., 2024). Dalam masa yang sama, peluang besar terbentang dalam bentuk transformasi digital, peningkatan jumlah pelancong Muslim global dan potensi kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia. Penggunaan teknologi moden seperti aplikasi mudah alih, sistem blockchain dan kecerdasan buatan telah membuka ruang baharu dalam pengurusan serta penyampaian perkhidmatan hotel halal yang lebih telus, efisien dan diyakini pelanggan (Latiff et al., 2024; Hasan, 2024). Kajian ini turut mengenal pasti beberapa strategi penting untuk pembangunan hotel halal secara mampan. Antaranya ialah penyeragaman piawaian pensijilan halal di peringkat ASEAN, pembentukan ekosistem digital halal yang bersepadu, peningkatan keupayaan sumber manusia melalui latihan berteraskan nilai Islam dan kerjasama rentas negara melalui jawatankuasa pelancongan Islam serantau (Zainudin & Harun, 2023; Harun & Yusof, 2024). Strategi ini diharap dapat memperkukuh kepercayaan pelancong Muslim dan memastikan kelestarian industri dalam jangka panjang. Pendekatan holistik yang dicadangkan dalam kajian ini berpaksikan kepada prinsip Maqasid Syariah yang merangkumi perlindungan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pendekatan ini memberi penekanan bukan sahaja kepada pematuhan syariah secara literal tetapi turut melibatkan dimensi etika, kesejahteraan pengguna dan kemampanan sosial. Justeru, pelaksanaan nilai maqasid dalam dasar dan operasi industri hotel halal diyakini mampu menambah baik kualiti perkhidmatan secara menyeluruh (Hasan, 2024). Secara keseluruhannya, Malaysia dan Indonesia mempunyai potensi besar untuk menjadi peneraju utama dalam pembangunan industri hotel halal serantau. Dengan penerapan strategi yang bersifat inklusif, kolaboratif dan berpaksikan nilai Islam, kedua-dua negara boleh muncul sebagai model rujukan kepada pelancongan Islam global yang mampan, berdaya saing dan beretika (Abdullah & Ibrahim, 2023; CrescentRating, 2023).

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua penyelidik dan Universiti Teknologi MARA atas sokongan kearah penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN PERSETUJUAN BERMAKLUMAT

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia secara langsung.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Rafidah Mohd Azli terlibat dalam Pembangunan concept penulisan, draf awal dan penngurusan kajian. Siti Nur Husna Abd Rahman sebagai penulis penghubung menyumbang dalam penyeliaan penulis utama, rekabentuk kajian dan ulasan kritikal, manakala. Nursafra Mohd Zhaffar menyumbang dalam ulasan literatur, ketepatan data dan persediaan dokumen sokongan. Muhammad Adnan Pitchan menyumbang dalam Analisa data, validasi dan input teknikal dapatan kajian. Fauzia Ulirrahmi terlibat dalam penyuntingan, bacaan prof dan terjemahan untuk serahan akhir manuskrip.

RUJUKAN

- Abdullah, M. F., & Ibrahim, R. A. (2023). Halal hospitality in Malaysia: Institutional frameworks and policy development. *International Journal of Islamic Tourism*, 8(2), 31–45.
- Ahmad, K., & Zulkifli, M. (2023). Integrating Maqasid al-Shariah in Shariah-compliant hotel operations: A conceptual approach. *Journal of Islamic Management Studies*, 11(1), 55–72.
- Ahmad, N., & Zulkifli, R. (2022). Syariah-compliant tourism and its operational challenges. *Journal of Islamic Business*, 9(1), 25–39.
- Bowen, G. A. (2023). Document Analysis in Qualitative Research. *Qualitative Research Journal*, 23(1), 11–25.
- BPJPH. (2024). Halal Certification Roadmap Indonesia. <https://halal.go.id>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Chen, Y., Musa, G., & Rohman, A. (2023). A staged certification approach for Shariah-compliant hotels: Insights from stakeholders. *Tourism Management Perspectives*, 46, 101058.
- CrescentRating. (2023). Global Muslim Travel Index 2023. <https://www.crescentrating.com>
- Global Halal Alliance. (2023). ASEAN Halal Tourism Strategy Framework. <https://www.globalhalalalliance.org>
- Harun, N., & Yusof, R. (2024). Halal Hospitality: Bridging Standards and Customer Expectations in ASEAN. *Southeast Asian Journal of Tourism*, 14(1), 101–118.
- Hasan, N. A. (2024). Applying Maqasid Shariah in developing sustainable halal tourism: A framework analysis. *Journal of Islamic Tourism and Economics*, 6(1), 1–18.
- Hasan, R. (2024). Maqasid Shariah as the Foundation for Halal Tourism Governance. *Islamic Economics and Policy Review*, 6(1), 44–60.
- Indonesian Ministry of Tourism. (2023). Masterplan for Halal Tourism Development in Indonesia. <https://www.kemenparekraf.go.id>
- Ismail, N., & Hamid, A. (2024). Training Needs in Halal Hospitality. *Malaysian Journal of Tourism and Hospitality*, 12(1), 88–99.
- ITC Malaysia. (2023). Malaysia Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance Guidelines. <https://itc.gov.my>
- Kamal, N. M., Hassan, S. H., & Ramli, R. (2023). Community-based Shariah hotel development in rural

- Malaysia: A case study. *Malaysian Journal of Syariah and Management*, 5(2), 29–41.
- Latiff, A. R. A., Halim, M. A., & Jamil, N. F. (2024). The role of digital innovation in enhancing halal hotel services in Southeast Asia. *Journal of Islamic Tourism Innovation*, 2(1), 15–34.
- Latiff, S. M., Rahman, F., & Idris, S. (2024). Blockchain and AI in Halal Tourism: Transforming Customer Trust. *Journal of Halal Tech and Innovation*, 4(1), 18–29.
- Mansor, M. Z., & Fauzi, N. M. (2024). Muslim tourists' expectations and experiences in halal hotels: A qualitative study. *Tourism and Hospitality Research*, 24(1), 55–70.
- Ministry of Tourism and Creative Economy Indonesia. (2023). *National Halal Tourism Masterplan 2023–2028*. Jakarta: Kemenparekraf.
- Muslim Travel Warehouse. (2022). *Muslim-friendly Hotels in Southeast Asia: A Market Survey*. <https://www.muslimtravelwarehouse.com>
- Omar, S. R., & Mansor, M. (2022). The rise of halal tourism in Southeast Asia: A policy perspective. *Southeast Asia Policy Review*, 10(3), 40–57.
- Othman, R., & Khalid, M. A. (2023). Hotel certification and Shariah compliance: Malaysia's approach. *Journal of Halal Certification*, 5(1), 22–34.
- Patton, M. Q. (2023). *Qualitative Research and Evaluation Methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rahman, A. F. (2023). The urgency of halal certification harmonization in Southeast Asia. *ASEAN Journal of Islamic Economics*, 9(1), 66–79.
- Rahman, A. R. (2023). Towards ASEAN halal standards: Strategic pathways and challenges. *ASEAN Journal of Halal Industry and Policy*, 4(1), 11–25.
- Salleh, A. M., & Yusuf, N. M. (2021). Evaluating the impact of Maqasid Syariah in Islamic hotel services. *Journal of Islamic Ethics in Tourism*, 3(1), 60–72.
- Salleh, N. Z. M., & Yusuf, S. M. (2022). A critical review of global Shariah-compliant hotel standards. *Journal of Islamic Business Research*, 3(2), 66–80.
- Sutanto, E., Prasetyo, M., & Lestari, I. (2024). Halal Hotel Development in Indonesia: Current Status and Regulatory Framework. *Journal of Halal Studies Indonesia*, 2(1), 1–12.
- Tieman, M. (2023). Developing the halal hospitality value chain: Issues and insights. *Journal of Islamic Marketing*, 14(1), 133–148.
- Tourism Malaysia. (2024). *Annual Report 2023: Halal and Muslim-friendly Tourism*. <https://www.tourism.gov.my>
- Wahid, H., & Roslan, M. H. (2024). Halal hotel compliance in Malaysia: Challenges from the operators' perspective. *Journal of Halal Compliance*, 2(2), 21–36.
- World Bank. (2024). *Tourism for development: Southeast Asia report*. Washington, DC: World Bank Publications.
- Yusuf, K. M., & Salim, H. (2021). Islamic tourism: Concepts, trends and future directions. *International Journal of Muslim-Friendly Tourism*, 7(2), 70–88.
- Zainudin, M. S., & Harun, N. (2023). Comparative study on Shariah-compliant hotel practices in Malaysia

and Indonesia. *Asian Journal of Islamic Tourism*, 11(2), 55–70.

Zainudin, M. S., Azhar, M. Y., & Rahim, N. A. (2023). Challenges in Shariah-compliant hotel implementation in Southeast Asia. *Journal of Islamic Tourism Studies*, 11(2), 55–70.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).